

25 NOV 1996

Apec-Keanggotaan

APEC SINGKATKAN TEMPOH UNTUK TERIMA ANGGOTA BARU

Oleh: Yong Soo Heong

TELUK SUBIC, 25 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) telah bersetuju supaya tempoh masa untuk menerima anggota baru ke dalam perkumpulan 18 negara itu dikurangkan kepada dua tahun dari tiga tahun seperti yang disyorkan oleh menteri-menteri Apec sebelum ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka juga bersetuju pada prinsipnya untuk menerima Vietnam dan Peru sebagai anggota.

Beliau berkata: "Keputusannya sekarang ialah sebelum mesyuarat di Vancouver (tahun depan), kita akan mengkaji dan memutuskan sama ada perlu ada kriteria.

"Dan menjelang mesyuarat Vancouver, kita akan memutuskan sama ada untuk menerima atau tidak kedua-dua negara itu dan pada tahun 1998 mereka dapat menghadiri mesyuarat Apec di Malaysia."

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas berakhirnya Sidang Kemuncak Manila, beliau berkata mengikut syor oleh menteri-menteri Apec, mesyuarat di Vancouver akan memutuskan kriteria dan mesyuarat di Malaysia pada tahun 1998 pula memutuskan mengenai kemasukan anggota baru. Sekiranya satu keputusan dicapai, anggota baru akan diterima pada tahun 1999.

Dr Mahathir berkata jika kriteria ditetapkan, mungkin ada negara yang menganggap mereka sepatutnya diterima secara automatik.

"Ia mungkin menimbulkan masalah kerana terdapat banyak negara di rantau Asia Pasifik," katanya.

Dr Mahathir berkata keputusan mungkin dicapai supaya tidak perlu ada sebarang kriteria dan anggota baru akan diterima jika ada persetujuan ramai mengenai perkara itu di kalangan anggota.

Katanya, sebagai contoh, anggota sekarang berpendapat "Peru wajar menjadi anggota tanpa sebarang kriteria".

Beliau juga berkata pemilihan Vietnam sebagai calon anggota bukan didasarkan kepada kekuatannya sebagai sebuah anggota Asean.

Dr Mahathir berkata para pemimpin Apec juga berpendapat keanggotaan perkumpulan itu perlu dihadkan jika mereka mahu ia menjadi efektif. --

BERNAMA

SHY AKD